

Kempen: Pembiayaan Peribadi-i – ‘Connect’ Kempen 2023**Khusus bagi Pembiayaan Peribadi-i HLISB SAHAJA***Dikemaskini pada 27 Jun 2023***TEMPOH KEMPEN**

Kempen Pembiayaan Peribadi-i ‘Connect’ Kempen 2023 (“**Kempen**”) Hong Leong Islamic Bank Berhad 2005501009144 (686191-W) (“**HLISB**”) bermula pada 01 Julai 2023 dan berakhir pada 31 Julai 2023, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan dinyatakan atau diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“**T&S**”):-

KELAYAKAN

1. Kempen terbuka kepada pemegang akaun individu warganegara Malaysia yang sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) dan HLISB, secara kolektif disebut “**Bank**”, yang memenuhi kriteria berikut:-
 - (a) Berumur antara dua puluh satu (21) hingga enam puluh (60) tahun;
 - (b) Tiada sebarang tunggakan dalam mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB mereka yang sedia ada sebelum Tempoh Kempen (bagi Pelanggan sedia ada sahaja); dan
 - (c) Telah memperoleh kelulusan dan pembayaran bagi Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia **Lima Puluh Ribu (RM50,000)**.

Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang akaun semasa/akaun semasa-i dan/atau akaun simpanan/akaun simpanan-i (“**CASA-i**”) dengan Bank sebelum Tempoh Kempen.

2. Individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen:-
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan undang-undang yang dinyatakan di dalam ini;
 - (c) Kakitangan tetap dan pekerja kontrak Bank.

KAEDAH KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen, Pelanggan dikehendaki memohon Pembiayaan Peribadi-i HLISB (“**Pembiayaan**”) melalui mana-mana saluran permohonan yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:-

Jadual 1

Amaun Pembiayaan Minimum	Tempoh Pembiayaan	Saluran Permohonan
Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000)	Dua (2) hingga Lima (5) Tahun	Perbankan Dalam Talian HLB Connect (“ HLB Connect ”) Laman sesawang Bank di www.hlisb.com.my/pfi (“ Laman Sesawang Bank ”)
Tarikh akhir penyaluran Pembiayaan: 31 Ogos 2023		

*Bagi mengelakkan keraguan, amaun Pembiayaan diluluskan tidak semestinya amaun Pembiayaan yang dimohon oleh Pelanggan.

Pelanggan yang memilih untuk membuat permohonan melalui HLB Connect mestilah memenuhi semua kriteria di bawah:

- (i) Mempunyai CASA/-i individu yang sah dan aktif;
 - (ii) Tidak mempunyai Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i sedia ada dengan Bank; dan
 - (iii) Mestilah pengguna berdaftar HLB Connect.
4. Bagi tujuan Kempen, Pelanggan yang telah memenuhi segala kriteria di bawah Klausa 1 & 3 di atas akan disebut “**Pelanggan Layak**”.
5. Pelanggan Layak yang telah memohon Pembiayaan semasa Tempoh Kempen layak menerima satu (1) unit PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet (“**Hadiah**”), bergantung kepada syarat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Amaun Pembiayaan	Hadiah	Peruntukan
RM50,000 dan ke atas	PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM50	500

6. Bagi mengelakkan keraguan, Kempen ini sah atas dasar siapa cepat dia dapat dan/atau tertakluk pada ketersediaan Hadiah.
7. Pelanggan Layak yang berhak menerima Hadiah akan diberitahu melalui SMS atau *E-Direct Mailer (EDM)* dalam masa sembilan puluh (90) hari perniagaan dari tarikh tamat kempen.
8. Pelanggan Layak berhak menerima satu (1) Hadiah sahaja tanpa mengira bilangan permohonan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen.
9. Kempen ini TIDAK sah dengan mana-mana kempen/promosi Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i lain yang sedang berlangsung yang ditawarkan oleh HLB/HLISB.

10. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti. HLISB berhak menggantikan Hadiah dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang sama atas budi bicaranya disebabkan ketiadaan Hadiah atau atas sebab-sebab lain yang di luar jangkaan.

UMUM

11. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak dengan ini bersetuju:-
- a) telah membaca, memahami dan bersetuju dengan T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
 - b) telah membaca, memahami dan bersetuju dengan [Notis Privasi Bank](#);
 - c) untuk melayari Laman Sesawang Bank pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - d) untuk membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Pembiayaan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Ogos 2023. Sekiranya Pelanggan Layak tidak membekalkan semua dokumen berkaitan tepat pada waktunya, Bank tidak akan bertanggungjawab jika Pembiayaan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Ogos 2023.
 - e) bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Pembiayaan dan/atau amaun Pembiayaan diluluskan) adalah muktamad dan mengikat atas semua Pelanggan Layak; dan
 - f) bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen tersebut.
12. HLISB berhak:-
- (a) menolak sebarang permohonan Pembiayaan Peribadi-i yang dikemukakan;
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen kerana tidak mematuhi T&S di dalam ini; dan
 - (c) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Kempen atas budi bicaranya, dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLISB.
13. T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat percanggahan antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, mengikut mana yang berkenaan, T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
14. Jika terdapat percanggahan antara T&S di dalam ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka terma dan syarat muktamad seperti tertera dalam Laman Sesawang Bank hendaklah diutamakan.

15. T&S di dalam ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

- baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong -